

# Kebanyakan militan pelajar di Pakistan, India tahun 80-an

BN 7 AUG 2001  
Oleh Munaaffah  
Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Kebanyakan pelajar Malaysia di Pakistan dan India yang terbabit dalam kegiatan militan agama adalah di kalangan mereka yang menuntut di kedua-dua negara itu pada 1980-an.

Sumber diplomatik berkata, pelajar terbabit sebahagian besarnya adalah penuntut jurusan pengajian Islam dan membiayai sendiri kos pengajian mereka.

"Mereka terbabit membantu pejuang Mujahidin menentang tentera komunis Soviet Union yang membentuk kerajaan boneka di Afghanistan sejak akhir 1979," katanya ketika dihubungi di Islamabad, hari ini.

Katanya, sepanjang 10 tahun peperangan menentang tentera Soviet itu, ramai pelajar Malaysia menyeberang sempadan Pakistan-Afghanistan untuk berjuang secara sukarela bersama tentera Mujahidin.

Bagaimanapun, katanya, pelajar Malaysia di kedua-dua negara sekarang tidak lagi terbabit dalam kegiatan militan, walaupun hampir separuh daripada mereka aktif dalam gerakan anti-keraiaan yang dalangi Pas.

"Pelajar di sini boleh dibahagi kepada dua iaitu mereka yang menyertai kumpulan Tabligh clan kelompok yang lebih cenderung kepada perjuangan Pas," katanya.

Sumber itu berkata, dianggarkan lebih 300 pelajar Malaysia kini masih menuntut di beberapa universiti serta institusi pengajian tinggi di seluruh Pakistan, kebanyakannya dalam jurusan Pengajian Islam.

**Nik Adli Nik Abdul Aziz sah anggota Mujahidin - Muka 2**  
**Penangkapan bukan untuk kepentingan BN - Muka 3**

Akhir minggu lalu, polis menahan 10 anggota kumpulan militan aejama yang dikenali sebagai Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Antara yang ditahan ialah Nik Adli Nik Abdul Aziz, 34, anak Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang pernah belajar jurusan pengajian Islam di Pakistan.

Malah, Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, anggota kumpulan militan itu juga pernah mendapat latihan bersama puak Taliban di Afghanistan.

Sumber itu berkata, berdasarkan umur anggota KMM yang ditahan mengikut ISA itu, besar kemungkinan kebanyakan mereka adalah bekas pelajar yang pernah menuntut di Pakistan dan India pada pertengahan dan akhir 1980-an.

"Mereka adalah pelajar sekolah pondok yang kemudian menyambung pelajaran di Srilatan Thai dan seterusnya melanjutkan pelajaran di beberapa universiti serta pusat pengajian tinggi Islam di Pakistan," katanya.

Sumber itu berkata, lebih 70 peratus pelajar berkenaan dari negeri Utara dan Pantai Timur.